

Dalam Negeri

Penggunaan dadah sintetik membimbangkan

KUALA LUMPUR 16 Julai – Peningkatan penggunaan dadah sintetik atau dadah perangsang jenis amphetamine (ATS) secara mendadak dalam tempoh 11 tahun ini disifatkan amat serius dan membimbangkan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, berdasarkan statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), cuma 108 orang atau 0.3 peratus daripada 36,284 penagih dikesan menggunakan ATS pada tahun 1997 tetapi ia terus memperlihatkan trend peningkatan.

“Peningkatannya amat ketara pada tahun 2008 apabila didapati 15.64 peratus atau seramai 1,932 daripada 12,352 penagih dikesan menggunakan dadah jenis itu,” katanya ketika berucap merasmikan Malam Anugerah Media AADK 2008 di malam ini.

Tambahnya, peningkatan penggunaan ATS di negara ini sejajar dengan

trend sedunia dalam penggunaan dadah jenis itu.

“Mengikut sumber Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), trend penggunaan dadah ATS dari 2001 hingga 2007 meningkat kepada 25 juta kes bagi dadah jenis amphetamine dan sembilan juta bagi dadah jenis ekstasi,” katanya.

Menurutnya, senario penggunaan ATS amat membimbangkan kerana ia amat berbahaya bukan sahaja kepada penagih tetapi juga anggota keluarga, masyarakat dan negara.

“Dadah tersebut akan memberi kesan yang cepat kepada sistem saraf pusat manusia yang mana akhirnya



HISHAMMUDDIN

pengguna boleh bertindak di luar kebiasaan dan berpotensi melakukan jenayah berat seperti ragut, rompak, rogol dan rempit,” katanya.

Hishammuddin berkata, memandangkan dadah jenis sintetik sering dikaitkan dengan hiburan, masyarakat mungkin tidak mengetahui kesan penyalahgunaannya jauh lebih buruk.

“Berbeza penagihan dadah tradisional, sehingga kini belum ada kaedah rawatan yang ditemui untuk penagihan dadah sintetik khususnya apabila penagihan di tahap sudah lama,” katanya.

Jelas beliau, situasi penggunaan

ATS sekarang menuntut satu gerakan besar-besaran seperti ketika kerajaan mula mengisytiharkan dadah sebagai ancaman keselamatan negara pada tahun 1983.

“Sejajar pengumuman Perdana Menteri yang meletakkan usaha mencegah jenayah sebagai salah satu daripada Bidang Hasil Utama Negara (KRA), agenda menangani penularan gejala penagihan dadah perlu diberikan keutamaan,” katanya.

Beliau berkata, semua pihak perlu bergabung tenaga untuk membantu agensi kerajaan seperti AADK untuk bangkit memerangi gejala yang banyak menyumbang kepada jenayah lain.

“Dalam konteks ini, AADK akan menggunakan kaedah-kaedah baru bagi mendekati golongan sasar termasuk daripada segi kempen dan publisiti untuk komuniti siber,” katanya.

Semah
 utusan/17/7/2009
 Ibrahim Ishak
 Bahagian Khidmat Pengurusan
 Kementerian Dalam Negeri
 Malaysia